

Teks Ucapan

Brig. Jen. Dato' Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Vice Chancellor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Sempena Sambutan Aidilfitri

'1Malaysia Beraya@UniMAP',

6 Oktober 2009,

Dataran Kampus UniMAP Kubang Gajah, Arau, Perlis

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia.

Selamat Petang, Wan Shang Hao, Maalai Vaanakkam, Ma Sa An
Khair, Ra Thri Sawat dan Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Yang Berhormat Tuan Jaffperi Othman, Exco Kerajaan Negeri,
Wakil kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perlis.

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan
Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berhormat Dato' Mohamad Zabidi Zainal , Setiausaha
Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berhormat Ahli – ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.
Ahli – ahli Yang Berhormat

Yang Berbahagia, Prof Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP,

Yang Berbahagia, Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-pegawai Utama Universiti, Dekan-dekan dan Ketua-Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media, Kakitangan Universiti Malaysia Perlis dan pelajar-pelajar Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi seterusnya Warga Negeri Perlis yang sudi hadir pada malam ini.

Dengan lafaz Bismillah Hirrahman Nirrahim, saya memanjatkan rasa kesyukuran kehadrat Allah S.W.T di atas limpah dan rahmat dariNya maka dapat kita bersama-sama pada malam yang mendamaikan ini demi meraikan Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bertemakan “1Malaysia Beraya@UniMAP”. Perayaan ini merupakan satu sambutan yang berjaya menghimpunkan kita sebagai sebuah keluarga yang besar iaitu UniMAP – negeri Perlis dimana ianya lebih bermakna apabila masyarakat pelbagai kaum juga turut hadir bagi bersama-sama meraikan sambutan Aidilfitri kali ini. Sekalung terima kasih juga saya ucapkan kepada Yang Berhormat Tuan Jaffperi Othman kerana sudi hadir pada malam ini. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat Tuan Jaffperi Othman memberi seribu makna kepada kami semua.

Hadirin sekalian,

Selama sebulan kita berpuasa, menahan lapar dan dahaga serta perkara-perkara yang membatalkannya demi untuk melaksanakan puasa yang sebenarnya. Di bulan puasa inilah semua umat Islam berpusu-pusu melakukan amal dan kebajikan menderma dan berkongsi kesenangan dan milik mereka dengan orang lain. Sedar tidak sedar, bulan puasalah yang banyak mendidik dan menginsafkan segala sikap dan perbuatan kita sesama manusia sekaligus meningkatkan nilai ketaqwaan kepada Pencipta kita iaitu Allah S.W.T.

Setelah genap sebulan kita bepuasa, Aidilfitri pun menjelma dan disambut dengan riang oleh umat Islam seluruh dunia. Istilah rumah terbuka sebenarnya telahpun bermula pada 1 Syawal lagi. Sesiapa juga dijemput untuk datang ke rumah sebagai tetamu di hari raya. Sebenarnya, sedar atau tidak sedar rumah terbuka bukan sahaja dilaksanakan pada Hari Raya semata-mata tetapi tetap diadakan pada sambutan Tahun Baru Cina, Deepavali dan juga Christmas. Apa yang menarik adalah anda tidak akan berpeluang menikmati semua ini di Negara lain selain dari Malaysia kerana rumah terbuka diadakan sebagai mengeksperasikan kemesraan masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan, antaranya Melayu, Cina dan India. Semua ini adalah refleksi kepada keharmonian Negara kita.

Hadirin sekalian,

Untuk pengetahuan anda, dua minggu berturut-turut kami (UniMAP) telah mengadakan rumah terbuka tetapi pada ruang yang lebih kecil berbanding apa yang kami sediakan pada malam ini. Tetapi apa yang mengharukan adalah kemeriahannya tetap terasa walaupun sambutan yang dilakukan adalah sederhana tambahan pula rumah terbuka tersebut telah diadakan di rumah saya sendiri.

Di sini ingin saya kongsikan sedikit mengenai aktiviti rumah terbuka yang diadakan sepanjang kita menyambut Aidilfitri ini. Pada 1 Syawal yang lalu, UniMAP mengadakan rumah terbuka bagi memberi peluang kepada para pelajar antarabangsa yang beragama Islam yang tidak dapat pulang beraya ke Negara masing-masing. Kita tahu bahawa, Hari Raya merupakan hari yang menyediakan jika kita tidak dapat meraikannya bersama yang tersayang yakni keluarga, saudara mara dan sahabat handai. Atas kesedaran itulah, kami di UniMAP ini meraikan mereka dalam satu majlis yang cukup sederhana tetapi penuh dengan nilai kekeluargaan supaya mereka tidak berasa tersisih dari masyarakat.

Hadirin sekalian,

Dalam kita bersuka-ria menyambut hari raya, saya mengharapkan bahawa kita tidak melupakan golongan yang memerlukan bantuan. Atas dasar itulah maka pada majlis malam

ini juga, UniMAP akan melancarkan Tabung Bantuan Kemanusiaan Bencana di Sumatera Barat yang diilhamkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi kita iaitu Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. Tabung ini dilancarkan bagi membantu mangsa bencana alam iaitu gempa bumi di Sumatera Barat yang melanda pada 29 September 2009 lalu.

Untuk pengetahuan para hadirin sekalian, hasil kutipan tabung ini akan disalurkan terus kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk dihantar kepada mangsa gempa bumi. Oleh itu, saya berharap agar kita bersama-sama pada malam ini dapat menghulurkan sedikit sumbangan ikhlas kita kepada mangsa – mangsa bencana alam tersebut. Semoga sumbangan ikhlas yang kita hulurkan itu sebagai ihsan dan mampu memberikan sedikit cahaya kebahagiaan kepada mereka.

Ladies and Gentleman,

This year, may Eid also be a time in which we recognize the values of progress, pluralism, and acceptance that bind us together as a global community. By working together to advance mutual understanding, we point the way to a brighter future for all.

Amongst the most critical need for Muslims today is to understand and embrace the concept of Ihsan as exemplified by Prophet Muhammad (SAW) and his pious followers. Through Ihsan we can enhance human values, character, spirituality and our relationship with society, community and the world. We must

learn to assimilate traditional and spiritual values in the modern world.

It is my humble prayer that, the Universiti Malaysia Perlis will be a place for contemplation and search for enlightenment, where people come together to share knowledge and wisdom. It will be a place of peace, of order, of hope and of brotherhood, radiating those thoughts, attitudes and sentiments which unite, and which do not divide, and which uplift the mind and the spirit. Last but not least, I would like to read a poem related to our festival - Eid Mubarak. I hope you will enjoy it.

Aidilfitri,

*Kau hadir bagaikan merai kejayaan ku,
Kejayaan menumpaskan lawan jiwaku selama ini,
Mensucikan hatiku yang kegersangan,
Menaburi benih-benih takwa dalam jiwaku,
Kejayaan ku melawan nafsuku semestinya...
dan disitu adanya engkau sebagai perai aku...*

Sebelas bulan ku menunggu mu...

*Hanya sekali kau menjengah,
Semuanya kerana engkau...*

Seorang ibu tua menangis, menyambut anaknya yang pulang,

Namun, kerana itu, kau berjaya...

**Berjaya mengeratkan hubungan sesama insan,
Berjaya melunturkan segala persengketaan
Hadirmu cukup menggembirakan,
Cukup menghiburkan hati yang berduka,
Dan... Cukup mendamaikan...**

Kerana itu,

Hadirmu senantiasa dinanti dan diingati,

Terima Kasih Aidilfitri...

Walaupun hanya sebulan,

hadirmu tetap meninggalkan seribu kenangan.

Nukilan: Aida Othman

Saya sudah dengan Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh dan
Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada Semua...